



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
SEKOLAH MENENGAH LA SALLE

PETI SURAT NO. 10282,
88803 KOTA KINABALU,
SABAH, MALAYSIA

Tel : 088-224326 (Kampus Senior)
088-223002 (Kampus Junior)
Faks : 088-268687
Email : lasalleprincipal2@gmail.com
xfe4022@moe.edu.my

Ruj : SMLS/XFE4022/700/15 Jld2 ()
Tarikh : 15 Disember 2020

Ibu bapa / Penjaga
Semua Pelajar Tahun 2021
SM La Salle

Datuk / Datin / Tuan / Puan

PENDAFTARAN SEMULA PELAJAR SEKOLAH MENENGAH LA SALLE SESI PERSEKOLAHAN 2021

Perkara di atas dirujuk.


02. Dengan sukacita dimaklumkan bahawa proses pendaftaran semula semua pelajar Sekolah Menengah La Salle sesi persekolahan 2021 akan dilaksanakan dalam dua mod, iaitu secara **atas talian** atau **bersemuka**. Para ibu bapa / penjaga boleh memilih **salah satu mod** seperti dalam butiran berikut :

Mod 1 : BERSEMUKA

Masa : 9.00 pagi – 12.00 tengah hari
Tarikh : 11 Januari 2021 (Isnin) – Tingkatan 4 Sesi 2021
12 Januari 2021 (Selasa) – Tingkatan 5 Sesi 2021
13 Januari 2021 (Rabu) – Tingkatan 2 Sesi 2021
14 Januari 2021 (Khamis) – Tingkatan 3 Sesi 2021
Kaedah : Ibu Bapa / Penjaga datang ke Dewan SAC, Kampus Junior, SM La Salle Tanjung Aru untuk membuat pendaftaran di kaunter yang disediakan dengan membawa dokumen yang tersenarai dalam lampiran.

Mod 2 : ATAS TALIAN

Tarikh : 1 - 15 Januari 2021
Kaedah : Isi borang *google form* mengikut arahan yang ada pada pautan <https://forms.gle/ZRWoMNij2a1suWXN9> atau imbas QR code di sebelah kanan ini :



*Nota : Dokumen seperti tersenarai dalam lampiran perlu diserahkan kepada guru kelas pada hari pertama persekolahan melalui pelajar sendiri bagi yang mendaftar secara atas talian.

03. **PENGEMBALIAN BUKU TEKS SESI PERSEKOLAHAN 2020** juga dilaksanakan pada jam 9 pagi – 12.00 tengah hari, 11 – 14 Januari 2021. Para pelajar / ibu bapa dikehendaki mengembalikan buku teks mengikut butiran berikut :

<i>Jenis Buku Teks</i>	<i>Tarikh & Masa Pengembalian Buku</i>	<i>Tempat</i>
Tingkatan 3 (Pelajar Tingkatan 4 Sesi 2021)	11 Januari 2021 (Isnin) 9.00 pagi – 12.00 tengah hari	Bilik SPBT Kampus Junior
Tingkatan 4 (Pelajar Tingkatan 5 Sesi 2021)	12 Januari 2021 (Selasa) 9.00 pagi – 12.00 tengah hari	Bilik SPBT Kampus Senior
Tingkatan 1 (Pelajar Tingkatan 2 Sesi 2021)	13 Januari 2021 (Rabu) 9.00 pagi – 12.00 tengah hari	Bilik SPBT Kampus Junior
Tingkatan 2 (Pelajar Tingkatan 3 Sesi 2021)	14 Januari 2021 (Khamis) 9.00 pagi – 12.00 tengah hari	Bilik SPBT Kampus Junior

Dengan itu pihak sekolah memohon supaya ibu bapa / penjaga dapat membantu memastikan buku teks yang dipinjam dijaga dengan baik dan cukup kuantitinya sebelum dikembalikan dalam bulan Januari.

04. Buku teks untuk sesi persekolahan 2021 akan diedarkan kepada pelajar yang telah mengembalikan buku teks sesi 2020 pada minggu pertama dan kedua persekolahan. Perhatian dan kerjasama Datuk / Datin / Tuan / Puan terhadap perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

MARY MACDALENA A. KOMUJI
Pengetua Cemerlang

**PERINCIAN KUTIPAN KEPERLUAN & SUMBANGAN PELAJAR
TINGKATAN SATU TAHUN PERSEKOLAHAN 2021
SEKOLAH MENENGAH LA SALLE**

DOKUMEN YANG PERLU DISERAH KEPADA PIHAK SEKOLAH SEMASA PENDAFTARAN SEMULA

1. Salinan kad pengenalan atau sijil kelahiran murid yang telah disah benar oleh Jabatan Pendaftaran Negara
2. Salinan kad pengenalan ibu bapa murid yang telah disah benar oleh Jabatan Pendaftaran Negara sebagai bukti kewarganegaraan

KUTIPAN KEPERLUAN & SUMBANGAN PELAJAR SM LA SALLE TAHUN 2021 *

TINGKATAN 2/2021

Perkara	Amaun Kutipan (RM)	Jumlah Besar (RM)
Keperluan Sekolah (Koperasi SM La Salle)		137.00
1. Buku latihan	30.00	
2. <i>Lasallian handbook</i> (Buku peraturan & maklumat persekolahan)	17.00	
Sumbangan kepada Persatuan Ibu Bapa & Guru (PIBG)	30.00	
Sumbangan Tabung Pembangunan Sekolah (Lembaga Pengurusan Sekolah)	60.00	

TINGKATAN 3/2021

Perkara	Amaun Kutipan (RM)	Jumlah Besar (RM)
Keperluan Sekolah (Koperasi SM La Salle)		167.00
1. Buku latihan	30.00	
2. <i>Lasallian handbook</i> (Buku peraturan & maklumat persekolahan)	17.00	
3. T-shirt Kokum (Berkolar)	30.00	
Sumbangan kepada Persatuan Ibu Bapa & Guru (PIBG)	30.00	
Sumbangan Tabung Pembangunan Sekolah (Lembaga Pengurusan Sekolah)	60.00	

TINGKATAN 4/2021

Perkara	Amaun Kutipan (RM)	Jumlah Besar (RM)
Keperluan Sekolah (Koperasi SM La Salle)		213.00
1. Buku latihan	30.00	
2. <i>Lasallian handbook</i> (Buku peraturan & maklumat persekolahan)	17.00	
3. T-shirt PJK	30.00	
4. T-shirt Pasukan Badan Beruniform	26.00	
Sumbangan kepada Persatuan Ibu Bapa & Guru (PIBG)	30.00	
Sumbangan Tabung Pembangunan Sekolah (Lembaga Pengurusan Sekolah)	80.00	

TINGKATAN 5/2021

Perkara	Amaun Kutipan (RM)	Jumlah Besar (RM)
Keperluan Sekolah (Koperasi SM La Salle)		157.00
1. Buku latihan	30.00	
2. <i>Lasallian handbook</i> (Buku peraturan & maklumat persekolahan)	17.00	
Sumbangan kepada Persatuan Ibu Bapa & Guru (PIBG)	30.00	
Sumbangan Tabung Pembangunan Sekolah (Lembaga Pengurusan Sekolah)	80.00	

* Lencana, tali leher, tag nama dan keperluan lain boleh dibeli secara tunai di Koperasi SM La Salle pada hari-hari pendaftaran atau setelah sekolah dibuka semula

Kutipan boleh dibayar

- (i) secara tunai di Pejabat Am sekolah atau
- (ii) melalui pemindahan tunai (*bank transfer*) kepada akaun bank Koperasi SM La Salle **CIMB 80-0553821-7**.
Jika dibuat bayaran secara elektronik, sila cetak dan serahkan bukti pembayaran (slip ATM / transaksi bank) bersama dokumen pendaftaran yang lain pada hari pertama persekolahan melalui murid kepada guru kelas. **SILA CATATKAN NAMA MURID DAN KELAS ASAL PADA TAHUN 2020 PADA SLIP BANK TERSEBUT** sebelum diserahkan atau dimuatnaik kepada pihak sekolah.

Resit rasmi akan dikeluarkan oleh Pejabat Sekolah dan diedarkan kepada murid pada minggu kedua persekolahan.

Barangan keperluan dari Koperasi SM La Salle juga akan diedarkan pada minggu kedua persekolahan setelah bayaran melalui pemindahan elektronik disahkan.

* Nota : Sumbangan kepada PIBG hanya perlu dibayar sekali bagi satu keluarga. Jika tuan / puan mempunyai lebih daripada seorang anak yang bersekolah di SM La Salle, tuan / puan bolehlah memberi sumbangan kepada PIBG di bawah nama anak yang pertama sahaja.

** Jika terdapat kemusykilan / pertanyaan tentang proses pendaftaran atau kutipan barangan keperluan, sila rujuk Pejabat Am SM La Salle di talian 088-224326.

MAKLUMAT PERSEKOLAHAN YANG LAIN

1. SM La Salle hanya mempunyai satu sesi persekolah iaitu sesi pagi sahaja. Masa persekolahan bermula pada jam 7.00 pagi setiap hari. Waktu pulang adalah antara jam 12.00 – 1.30 petang, bergantung kepada jadual waktu pembelajaran kelas masing-masing.
2. Pakaian seragam sekolah murid SM La Salle adalah selaras dengan arahan Kementerian Pendidikan Malaysia. Semua murid dikehendaki memakai baju putih berlengan pendek, seluar panjang berwarna hijau tua dan bertali leher yang berlogo sekolah. Lencana sekolah perlu dijahit pada poket baju dan tag nama dijahit di atas poket baju.
3. Semua murid SM La Salle perlu berkasut hitam dan berstoking hitam.
4. Peraturan dan maklumat persekolahan lain yang lebih terperinci boleh dirujuk kepada buku *Lasallian Handbook 2021* yang akan diedarkan kepada semua murid di sekolah nanti.